

Dagangan : FOOD PREPARATION

Nama Perdagangan : Serbuk Kas-Kas
Jenama : Baba's

Kod Tarif :
2106.90.99 00 (PDK 2017)

Tarikh Kelulusan : 17 September 2019

Keterangan Barangan :

Barangan berupa serbuk berwarna *beige* yang dipekkan di dalam bungkusan plastik berukuran 18.0cm x 20.5cm dan berlabel "Serbuk Kas Kas Baba's", dengan berat bersih 250 gram untuk tujuan jualan runcit.

Analisa pakar mengesahkan barangan terdiri daripada campuran beras dan kas-kas.

Berdasarkan *product specification* dan *label product* kandungan barangan terdiri daripada campuran beras dan kas-kas. Oleh itu, barangan tidak sesuai dipertimbangkan di bawah *heading* 12.07.

Barangan digunakan sebagai salah satu ramuan (bahan mentah) di dalam penyediaan masakan gulai dan kari (*gravy mixes & curry mixes*).

Barangan adalah sejenis *food preparation* dan diliputi di bawah *heading* 21.06 butiran B, EN HS dimukasurat IV-2106-1.

Ketetapan:

Ketua Pengarah Kastam memutuskan bahawa barangan **Serbuk Kas Kas Baba's** adalah sesuai diklasifikasikan di bawah kod tarif **2106.90.99 00** sebagai ***Food preparations not elsewhere specified or included*** berdasarkan Perintah Duti Kastam 2017.